

NO. SOALAN: 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 19 MAC 2014

RUJUKAN : 6517

SOALAN:

**DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah peruntukan
yang dibelanjakan oleh Kerajaan untuk melaksanakan sistem MyKad
dan MyKid bagi menggantikan Kad Pengenalan lama.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Inisiatif pembangunan Kad Pengenalan bertaraf Warganegara Malaysia (MyKad) (cip 32k) telah bermula pada tahun 1999 dan dilancarkan pada tahun 2001 untuk menggantikan Kad Pengenalan Bermutu Tinggi (KPT). MyKad merupakan kad pintar pelbagai guna yang diperkenalkan dengan mengambilkira beberapa faktor dari segi keselamatan, ketahanan dan ciri-ciri teknologi terkini yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan mematuhi ISO7816. Selain itu, MyKad pelbagai guna turut dilengkapi dengan aplikasi (dalam cip) seperti maklumat pengenalan diri, lesen memandu, *Touch n Go* dan *Public Key Infrastructure (PKI)*. Penggunaan MyKad juga telah diperluaskan untuk kegunaan agensi seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dan Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Malaysia (DOSH). Dalam hal ini, kos keseluruhan pertukaran kad pengenalan lama kepada MyKad melalui pelaksanaan projek kad pintar pelbagai guna yang telah mengambil masa selama dua tahun setengah (2½) adalah berjumlah RM 269,955,130.00

Pada 20 September 2002, semasa membentangkan Bajet 2003 di Dewan Rakyat, Mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad telah mengumumkan supaya semua kanak-kanak yang baru lahir diberikan MyKad yang akan menjadi dokumen

pengenalan dan maklumat diri sepanjang hayat mereka iaitu yang kini dikenali sebagai MyKid. Keputusan ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memperluaskan penggunaan ICT dan dapat mengurangkan karenah mengisi borang semasa berurusan dengan agensi kerajaan dan swasta.

MyKid merupakan kad pintar pelbagai guna yang dikeluarkan secara percuma kepada kanak-kanak yang berumur di bawah 12 tahun bertaraf Warganegara Malaysia sahaja. Pengeluaran MyKid adalah selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Akta Pendaftaran Negara 1959 (Akta 78) dan Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 (Pindaan 2007). Dalam hal ini, ‘My’ bermakna ‘Malaysia’ atau ‘Kepunyaan Saya’ dan ‘Kid’ bermaksud ‘Kad Identiti Diri’ atau ‘Kanak-kanak’. Walau bagaimanapun, MyKid bukanlah pengganti kepada sijil kelahiran, sijil anak angkat, sijil warganegara, sijil pengesahan taraf atau Borang W. Seterusnya, jumlah kos keseluruhan bagi pelaksanaan MyKid adalah berjumlah RM 7,650,000.00.